UCAPAN

YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
MENTERI HAL EHWAL UGAMA

DI MAJLIS MALAM SASTERA ISLAM SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1442H/2020M

PADA HARI RABU,
10 RABIULAKHIR 1442H / 25 NOVEMBER 2020M.

BERTEMPAT
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْن، وَبِه نَسْتَعِيْن عَلى أمُور الدُنْيَا والدِّيْن، والصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ أشْرَفِ الأنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْن سَيِّدِناَ مُحَمَّدٍ وَعَلىَ أٰلِهِ وَصَحْبِهِ أجْمَعِيْن.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kita ucapkan *al-Hamdulillah* sebagai pernyataan syukur kepada Allah atas ni'mat-Nya kepada kita berupa kesempatan dapat berkumpul.

Lebih-lebih lagi perkumpulan dalam majlis yang disempenakan dengan Sambutan Maulid en-Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam.*

Dan acaranya pun sangat bertepatan dengan niat kita di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk turut merangsang kegiatan sastera Islam.

Maka malam ini Pusat Da'wah Islamiah berserta rakannya Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Pengajian Islam berkongsi pahala inisiatif dan sekali gus meraih pahala merancang dan melaksanakan acara berkebajikan dengan cara menganjurkan majlis Malam Sastera Islam.

Dan setentunya juga kita yang hadir dan turut menjayakan acara ini akan sama dilimpahi pahala oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

* * * *

Kita sudah banyak menyebut *Sastera Islam.* Tidak payahlah saya memaknakannya lagi.

Brunei sudah lama menyebut-nyebut tentang sastera Islam. Malah kita sudah mempunyai *Tokohnya* iaitu *Muda 'Omar 'Ali Saifuddien* yang kita iktiraf layak dengan mengunggulkan karyanya menepati kriteria sastera Islam.

Sasterawan penyair diraja tokoh sastera Islam kita itu adalah seorang raja. Baginda berkarya dengan sejumlah buku karangan syair adalah semasa

zaman Baginda di atas takhta pemerintahan sebagai Sultan Dan Yang Di-Pertuan ke-28.

Kita bersyukur dan bangga betapa Brunei yang kecil molek ini dengan tidak seramai mana bilangan sasterawannya namun ada tokoh-tokoh dalam bidang sasteranya.

Hal ini perlu disedari sebagai suatu yang wajar dengan menginsafi bahawa dengan *Pemasyhoran Kemerdekaan* pada 31 Disember 1983 kita dan negara kita sudah muncul sebagai anggota negara-negara sedunia yang sama taraf dan tanggungjawab antarabangsa sebagai negara merdeka, berdaulat, demokratik berdasarkan ajaran-ajaran Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah.

Dengan itu Brunei Darussalam ini sudah ada *social-political intity* tersendiri.

Maka wajar malah wajiblah keujudan *social-political intity* kita itu ditransform ke dalam bidang-bidang lain cabang seni-budaya dan tentunya juga bidang bahasa dan seni-sastera.

Dengan itulah sejak setelah *Pemasyhoran Kemermdekaan 31 Disember 1983* itu kita sudah memikir untuk Brunei memunculkan bahasa-sasteranya selaras dengan kemunculan dan kewujudan *social-political intity* nya itu. Dan sejak suku awal tahun 90'an kita di Brunei telah mengetengahkan konsep intiti sosial-politik Brunei dalam sastera dan bahasanya.

Ia baru terlaksana dalam suku awal tahun-tahun 2000'an. Syukurlah.

Dan selepas itulah kita secara semulajadinya akan dan terus menggalas tanggungjawab mengketerakan maknanya. Dalam bidang bahasa-sastera, kita menggalas tanggungjawab merangsang keindahan hiasan rambu-rambu sastera dan bahasa yang dilambangkan menerusi pentokohan sastera moden dan sastera Islam Brunei.

Tidak sahaja *Muda 'Omar 'Ali Saifuddien* adalah *Tokoh Sastera Islamnya* bahkan Brunei juga telah mengunggulkan *Pengiran Shahbandar Mohammad*

Salleh bin Pengiran Sharmayuda menjadi *Tokoh Sastera Modern Brunei* dengan sebuah karyanya yang dikarang dalam tahun 1847/48.

Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh bin Pengiran Sharmayuda yang dianggarkan lahir pada akhir tahun 1790, di Sambas dan menempuh usia remaja dan dewasanya di wilayah Kalimantan itu dan juga di Serawak khasnya di Kuching. Karya syairnya *Shair Rakis* itu dikarang sewaktu beliau sudah menetap di Brunei.

Beliau berketurunan diraja Brunei. Ayahandanya Pengiran Sharmayuda bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Sulaiman bin Pengiran Abadul Rahman bin Pengiran Temanggung Dakula Ibnu Sultan Abdul Hakkul Mubin, *Sultan Brunei ke-13 (1661 - 1773).*

Pendidikan awalnya dan pengalamannya semasa di Sambas didapati menjadikannya *walih* dari anak-anak pembesar Brunei zaman itu.

Beliau berpandangan jauh dan bersikap berani mengemukakan *nasihat yang keritis* supaya Brunei pada zamannya itu mengambil sikap berhati-hati dengan penuh kesedaran akan nasib masa hadapannya dalam berhubungan dengan kuasa-kuasa peneroka-peneroka Inggeris.

Dengan itu keputusan kita di zaman ini mengangkatnya menjadi *Tokoh Sastera Brunei Moden* adalah atas asas dan latar belakang penting dan keistimewaan karya *Syair Rakis*nya yang mengandungi pengucapan sastera yang bertolak dari tradisi klasik.

Syair Rakis adalah sebuah karya sastera melambangkan kemajuan pemikiran sampai memuatkan *nasihat sosial-politik* mengenai untung nasib dan masa depan negaranya. Hal itu dianggap sangat walih bagi kalangan pembesar pada zamannya itu mengenai nasib masa depan negaranya dan pemerintahan berajanya.

Demikian pula walih dan istimewanya karya-karya syair *Muda Omar 'Ali Saifuddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien)* yang dinilai dari aspek pengucapan dan pemikiran baginda itu.

Sangat ketara bahawa rangkap-rangkap syair Al-Marhum tidaklah dirungkai dalam kata-kata *bombastik* untuk memperlihatkan *keIslamannya.* Pengkaji dan penyoroti beberapa buah buku karangan syair Baginda akan mendapati sedemikian itu. Sebaliknya akan menemui patah-patah kata yang manis, ungkapan-ungkapan ayat yang berhemat-hemat sehingga melahirkan rangkap-rangkap syair dalam apa tema dan motif sekalipun ianya adalah pengucapan yang murni datang dari hati nurani.

Satu perkara yang utama untuk diperhatikan ialah ukuran-ukuran yang disebutkan tadi mestilah pula difahami dari diri penyairnya. Baginda seorang raja, bukan setakat pengarang atau sasterawan.

Maka jika ianya ungkapan bermotif *nasihat* hendaklah dilihat dan difahami dalam kontek ianya tidaklah setakat luahan fikiran yang bersifat hasrat dan harapan.

Berbeza dari pengarang atau sasterawan lain yang mengemukakan sesuatu idea, dalam apa pun tema dan motifnya hanyalah setakat pandangan dan pemikiran pada meluahkan hasarat dan harapan.

Namun tidak sedemikian itu bagi karya-karya syair *Muda Omar 'Ali Saifuddien* dengan sifat Baginda itu seorang raja. Apa yang diharapkan, dihasratkan oleh Baginda adalah menjadi suatu amanat kepada kita dan generasi-generasi – penerus untuk menanai dan menunaikannya, merealisasikannya.

Dan *al-Hamdulillah* Baginda juga adalah *Arkitek Brunei Modern* maka landasan dan sendi-sendi *arkitural Brunei modern,* ibarat *retak tangan bersukna daya yang baik* Baginda itu adalah menjadi rambu-rambu tidak setakat perhiasan jalan pada musim-musim perayaan bahkan adalah panduan jalan dan *tangkal azimat* yang berkat untuk Brunei menempuh zaman modernnya yang panjang, in syaa Allah.

* * * *

Dan acara Sastera Islam malam ini ialah ibarat menyoroki gerbang alun-alun jalan yang berhias rambu-rambu *Tokoh Sastera Islam* dan jua *Tokoh Sastera Modern.*

Semoga tidak terhenti di sini pada malam ini. Walaupun yang pasti saya akan berhenti menyebutnya dengan berundur dari podium ini.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
  Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
  Dato Paduka Haji Awang Othman,
  Menteri Hal Ehwal Ugama.
  10 Rabi'ul Akhir 1442H / 25 November 2020